

“PELAKUAN JENAYAH: SEJAUHMANAKAH KEBIMBANGAN MASYARAKAT ? SATU KAJIAN PERSEPSI PENDUDUK BANDAR DI PULAU PINANG”*

Nor-ina Kanyo¹, Norizan Hj Md Nor² & Ruslan Rainis³

ABSTRAK

Pelakuan jenayah dilaporkan meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pelbagai usaha dilakukan dalam membendung peningkatan permasalahan ini agar tidak menjejaskan keharmonian negara dan membimbangkan penduduk bandar secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, masyarakat masih dibelenggu kebimbangan kesan daripada peningkatan masalah pelakuan jenayah kini. Justeru itu, kajian dari pelbagai bidang disiplin ilmu merupakan satu pendekatan terbaik bagi meneliti permasalahan pelakuan jenayah dari pelbagai aspek secara terperinci. Kertas kerja ini cuba mengetengahkan persepsi kebimbangan terhadap pelakuan jenayah harta benda dalam kalangan penduduk bandar di Pulau Pinang khususnya di Daerah Timur Laut dan Barat Daya dari perspektif geografi. Kajian ini pada dasarnya terdiri daripada empat objektif utama iaitu (i) mengenalpasti ciri-ciri pelakuan jenayah harta benda dan meninjau persepsi tahap kebimbangan penduduk terhadap pelakuan jenayah (ii) menilai persepsi penduduk ke atas faktor yang mempengaruhi tahap kebimbangan terhadap pelakuan jenayah (iii) meneliti hubungkait tahap kebimbangan pelakuan jenayah dengan status sosio-ekonomi penduduk dan, (iv) mengupas persepsi kesan tahap kebimbangan pelakuan jenayah terhadap kualiti hidup penduduk dan cadangan langkah pencegahan jenayah di kawasan kajian. Bagi memudahkan perbincangan, kertas kerja ini difokuskan ke atas persepsi tahap kebimbangan dan jenis jenayah yang membimbangkan. Persepsi tahap keselamatan dan perubahan pelakuan jenayah kawasan kajian juga turut diketengahkan.

Kata kunci: Pelakuan jenayah; Persepsi kebimbangan; Penduduk bandar; Pulau Pinang

* Kertas kerja ini dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar [MATRA 2011], anjuran Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, di Hotel Vistana, 16-17 November 2011.

¹ Pensyarah kanan di Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan (UPEP), Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah. Email: norina03@gmail.com atau norina@ums.edu.my.

² Profesor Madya di Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Email: norizan@usm.my.

³ Profesor di Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Email: ruslan@usm.my.

PENGENALAN

Pelakuan jenayah merupakan antara permasalahan sosial yang melanda kebanyakan bandar-bandar di dunia sejak lebih daripada 20 tahun (Belinda Yuen, 2004; Shelly, 1981) dan peningkatannya adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Namun demikian, tidak dinafikan perbandaran adalah antara faktor yang banyak mempengaruhi peningkatan permasalahan jenayah di kebanyakan bandar di dunia

(Mays, 1968; Walmsley, 1988; Rogers, 1989; Mohd Redzuan, 1990; Knox, 1994; McIlwaine, 1999; Gold, 2002; Pallen, 2002; Pokhariyal dan Muthuri, 2003) dan masalah jenayah semakin kompleks dan sukar dibendung kesan daripada kemajuan dalam sains dan teknologi (Sidhu, 2005:9). Seiring dengan kepesatan perbandaran dan kemajuan, Malaysia juga turut menghadapi permasalahan yang sama. Menurut laporan pihak seperti *International Criminal Police Organization* (Interpol), United Nations, *Institute for Economic and Peace* (IEP), Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), kadar jenayah negara masih rendah berbanding negara lain (Utusan Malaysia, 19 Januari 2001; United Nations, 1999a; b; Berita Harian, 13 Januari 2004; Harian Metro, 9 November 2006; Berita Harian, 12 Februari 2008; New Straits Times, 21 November 2010; IEP, 2011). Diteliti dari segi prestasi kecemerlangan pasukan polis negara, menurut Naib Pengerusi YPJM, PDRM merupakan antara pasukan polis terbaik dalam kalangan negara membangun di seluruh dunia (Berita Harian, 12 Februari 2008). Selain daripada itu, merujuk kepada kepada indeks jenayah negara bagi tempoh 1980-2008 dan indeks jenayah negeri Pulau Pinang bagi tempoh 1990-2006 adalah menunjukkan peningkatan yang ketara (Mohd Reduan, 1990; Sidhu 2005; 2006; Muzafar dan Eng, 2006; Muzafar dan Law, 2007; Baharom dan Muzafar, 2009; Muzafar dan Baharom, 2009; Tang, 2009; PDRM, 2004a; 2007a; 2008; Nor-ina, 2006; Nor-ina dan Norizan, 2007a,b; 2008a,b; 2009; 2010; Nor-ina *et al*, 2008; 2009) (rujuk Jadual 1) dan penelitian ke atas trend indeks jenayah bagi tempoh 1990-2003, 88.4 peratus pelakuan jenayah di negara ini adalah terdiri daripada jenayah harta benda dan hanya 11.6 peratus melibatkan jenayah kekerasan sama ada di peringkat negara mahupun negeri Pulau Pinang (Nor-ina, 2006; Nor-ina dan Norizan, 2007a, 2007b; 2008a, 2008b; 2009) (rujuk Rajah 1). Menurut *United Nations International Crime Justice Institute* (UNICRI), 2005, jenayah keganasan hanya melibatkan 25-30% di kebanyakan negara Dunia Ketiga dan sebahagian besar adalah melibatkan jenayah harta benda. Merujuk kepada statistik indeks jenayah negara pada keseluruhannya adalah membimbangkan dan menimbulkan reaksi pelbagai pihak kerana ianya bukan sekadar diunjurkan terus meningkat selari dengan pertumbuhan penduduk (Sidhu, 2006:7), menjejaskan kemanaman dan keselamatan negara, juga menjejaskan kualiti hidup, kerana aspek keselamatan merupakan salah satu indikator dalam Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) (rujuk IKHM, 2002; 2004). Menyedari peningkatan masalah ini, pelbagai usaha dilakukan membendungnya bagi mewujudkan persekitaran yang aman serta selamat (Malaysia, 1996:29-30; 1999:20; 2006; SDPPP, 2005; Jamaludin, 2007:6; Sinar Harian, 8 September 2007; Berita Harian, 8 September 2007; Berita Harian, 12 Februari 2008). Banyak pihak melaporkan tentang kejayaan PDRM dalam aspek penyelesaian kes jenayah dan kecemerlangan pasukan di peringkat antarabangsa, pelbagai usaha dilakukan bagi membendungnya, namun ianya belum cukup untuk meyakinkan masyarakat terhadap senario permasalahan jenayah dan bukan juga sebagai ukuran yang jelas bagi menunjukkan kebimbangan masyarakat bandar secara keseluruhannya. Justeru itu, peningkatannya menuntut penglibatan pelbagai bidang disiplin ilmu untuk mengkajinya dan merupakan antara isu atau tema yang mendapat perhatian kebanyakan pengkaji kini (Pacione, 1983:76; Baharom dan Muzafar, 2009:5; Tang, 2009:50). Berdasarkan penelitian, pengkajian jenayah dan kebimbangan jenayah bukan suatu isu baru untuk dibincangkan. Namun demikian, terdapat kelemahan dan kekurangan dalam kajian-kajian awal yang menuntut dan membuka ruang kepada pengkajian kebimbangan terhadap pelakuan jenayah dengan lebih meluas dan berterusan (Taylor dan Hale, 1986; Ferraro dan LaGrange, 1987;

Thompson *et al.*, 1992; Ferraro, 1995; Farrall *et al.*, 1997; Ditton *et al.*, 1999; Farrall dan Ditton, 1999; Warr, 2000; Farrall, 2000; Ranzijin *et al.*, 2002). Selain daripada itu, kebanyakan kajian di Malaysia adalah meneliti senario trend dan faktor peningkatan jenayah serta hubungkait trend peningkatan jenayah dengan situasi ekonomi, pengangguran, urbanisasi dan jenayah dari aspek bandar selamat (Mohd Reduan, 1990; Sidhu 2005; 2006; Muzafar dan Eng, 2006; Ramli *et al.*, 2006; Norina, 2006; Norina dan Norizan, 2007a,b; 2008a,b; 2009; 2010; Muzafar dan Law, 2007; Jamaludin, 2007; Baharom dan Muzafar, 2009; Muzafar dan Baharom, 2009; Tang, 2009). Dengan ini jelas menunjukkan bahawa kurang kajian dilakukan bagi meneliti pelakuan jenayah dan kebimbangan terhadap pelakuan jenayah sama ada bagi konteks kawasan kajian, mahupun pada peringkat negara amnya. Oleh kerana kekurangan dan kelemahan dalam kajian jenayah dan kebimbangan jenayah pada peringkat awal, pengkajian menyeluruh dari pelbagai bidang disiplin ilmu adalah pendekatan terbaik bagi meneliti isu kebimbangan penduduk bandar terhadap pelakuan jenayah dengan lebih terperinci dan sesuatu yang perlu sebagai pengukuran kepada keseriusan masalah jenayah yang berlaku kini, sekaligus sebagai melengkapi kepada kekurangan dan kelemahan pengkajian awal serta melengkapkan data jenayah negeri yang sedia ada. Hasil kajian membantu kepada perincian permasalahan jenayah dengan lebih menyeluruh bagi konteks kawasan kajian yang pada akhirnya menyumbang kepada pengenalanpastian suatu pendekatan yang lebih holistik dan efisien dalam menangani pelakuan jenayah bagi mewujudkan persekitaran yang lebih dinamik ke arah masyarakat bebas jenayah dan menarik lebih ramai pelabur asing dan pelancong bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri Pulau Pinang secara keseluruhannya. Sekiranya permasalahan jenayah tidak ditangani, ianya bukan sekadar menimbulkan kebimbangan, menjejaskan kualiti hidup masyarakat, juga akan menjejaskan imej negeri Pulau Pinang sebagai “bandar tapak warisan dunia” sekaligus menggagalkan matlamat negeri ke arah pembentukan “Bandar Sejahtera”. Justeru itu, kajian dilakukan bagi mengenalpasti tahap kebimbangan masyarakat ke atas pelakuan jenayah. Bagi memudahkan perbincangan, artikel ini cuba mengetengahkan kajian persepsi tahap kebimbangan, persepsi tahap keselamatan dan perubahan pelakuan jenayah di kawasan kajian dan jenis jenayah yang membimbangkan.

LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

Negeri Pulau Pinang merupakan negeri kedua terkecil di Malaysia yang terletak di Utara Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan negeri Kedah di bahagian Utara dan negeri Perak di bahagian Selatan. Negeri Pulau Pinang terletak antara latitud 5° 15'S dan 5° 30'U dan longitud 100°9'T dan 100°21'T. Dari aspek fizikal ia terbahagi kepada dua wilayah iaitu wilayah Pulau Pinang dan Seberang Perai. Kawasan Pulau Pinang mempunyai keluasan 301 kilometer persegi sementara kawasan Seberang Perai pula mempunyai keluasan 735 kilometer persegi iaitu hampir 70 peratus daripada jumlah keluasan negeri Pulau Pinang. Keluasan keseluruhan negeri Pulau Pinang ialah 1,036 kilometer persegi (Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan DANCED, 1998). Kawasan Pulau Pinang terbahagi kepada dua daerah iaitu Daerah Timur Laut (DTL) yang terdiri daripada 6 mukim serta Bandaraya Georgetown dan Daerah Barat Daya (DBD) pula terdiri daripada 20 mukim. Wilayah Seberang Perai terbahagi kepada tiga daerah iaitu Daerah Seberang Perai Utara (DSPU) yang meliputi 16 mukim, Daerah Seberang Perai Tengah (DSPT) yang terdiri daripada 22 mukim dan Daerah Seberang Perai Selatan (DSPS)

yang juga terdiri daripada 16 mukim. Kawasan Pulau Pinang terletak di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sementara kawasan Seberang Perai terletak di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) (MPPP, 1998; 2000a; 2000b). Pembahagian daerah pentadbiran negeri Pulau Pinang dan kedudukan kawasan kajian ditunjukkan pada Peta 1.

SENARIO PELAKUAN JENAYAH DI NEGERI PULAU PINANG

Bahagian awal telah dijelaskan peningkatan trend jenayah pada peringkat negara secara tidak langsung. Bahagian ini pula mengetengahkan senario jenayah negeri Pulau Pinang secara menyeluruh yang meliputi daerah kajian iaitu daerah Timur Laut (TL) dan Barat Daya (BD). Penjelasan ini bukan sekadar menggambarkan senario jenayah negeri, juga penting kepada penjelasan, perbincangan dan pemahaman persepsi kebimbangan terhadap pelakuan jenayah bagi konteks kawasan kajian. Rajah 2 yang menunjukkan indeks jenayah di antara negeri di seluruh negara bagi tempoh 2002-2004, secara perbandingan, negeri Pulau Pinang tergolong di antara negeri yang mencatatkan kadar jenayah yang tinggi di negara ini iaitu pada kedudukan keempat teratas selepas negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Johor. Jenayah yang berlaku di negeri Pulau Pinang dilaporkan berlaku pada setiap 47.4 minit sepanjang tahun 2000 dengan kes jenayah harta benda mencatatkan kekerapan yang tertinggi. Menurut Ketua Polis Negeri, jenayah harta benda di negeri Pulau Pinang dilaporkan berlaku pada setiap 52.6 minit dan jenayah kekerasan pula berlaku setiap 8 jam dengan melibatkan satu kes. Bagi kes curi kenderaan dilaporkan bahawa setiap hari akan berlaku kes curi sebuah kenderaan, sebuah motosikal akan dicuri pada setiap 3 jam, satu kes samun berlaku pada setiap 11 jam (Utusan Malaysia, 5 Januari 2001). Statistik ini secara tidak langsung memberikan gambaran bahawa jenayah harta benda banyak berlaku di negeri ini berbanding jenayah kekerasan. Rajah 3 menunjukkan trend peningkatan jenayah dan perbandingan jumlah jenayah kekerasan dan jenayah harta benda di negeri Pulau Pinang bagi tempoh 1990-2006. Berdasarkan Rajah 3, didapati daripada 171,999 jumlah keseluruhan indeks jenayah bagi tempoh 1990 hingga 2006, sebanyak 148,007 kes atau 86.1 peratus adalah melibatkan jenayah harta benda berbanding hanya 23,992 kes atau 13.9 peratus melibatkan jenayah kekerasan. Penelitian ke atas trend indeks jenayah di negeri Pulau Pinang, didapati indeks jenayah mencatatkan peningkatan kes yang berterusan dari tahun 1990-2006. Namun demikian, indeks jenayah menunjukkan trend penurunan pada tahun 1991-1995, walaupun terdapat peningkatan pada tahun 1992. Peningkatan ketara dan mendadak adalah pada tahun 1997, iaitu daripada 6556 kes pada tahun sebelumnya telah meningkat kepada 10,251 kes pada tahun 1997 dengan peningkatan kes sebanyak 3695 kes atau 56.4 peratus. Bagi tempoh 1997-2006, indeks jenayah terus menunjukkan peningkatan iaitu daripada 10,251 kes kepada 16,771 kes dengan peningkatan sebanyak 652 kes atau 63.6 peratus. Trend indeks jenayah negeri juga menunjukkan trend yang sama dengan trend jenayah harta benda bagi tempoh 1990-2006, sementara jenayah kekerasan tidak menunjukkan trend peningkatan yang ketara (PDRM, 2004a, 2007a). Trend jenayah negeri Pulau Pinang bagi tempoh 1990-2006 ditunjukkan dengan jelas seperti pada Rajah 3. Perbandingan indeks jenayah antara daerah di NPP bagi tempoh 1990-2006 ditunjukkan dengan jelas seperti pada Rajah 4 dan Peta 2 adalah menunjukkan perbandingan indeks jenayah antara daerah secara ruangan dengan lebih jelas. Merujuk kepada Rajah 4 secara perbandingan, 47.9 peratus atau 87,678 kes daripada 172,499 jumlah indeks jenayah negeri Pulau Pinang bagi tempoh 1990-2006 dicatatkan di TL berbanding

daerah lain. Berdasarkan perbandingan trend indeks jenayah bagi tempoh 2004-2006, TL menduduki rank tertinggi iaitu daripada sejumlah 13,454 indeks jenayah yang dicatatkan pada 2004, sebanyak 5219 kes (38.8 peratus) dicatatkan di TL, 4359 (32.4 peratus) di SPT dan SPU (1590 kes atau 11.8 peratus) sebagai tempat ketiga. BD pula menduduki tempat keempat dari segi indeks jenayah iaitu 1429 kes atau 10.6 peratus. Indeks jenayah TL terus meningkat kepada 5320 kes pada 2005 dan 6123 kes atau 36.5 peratus pada 2006. SPT masih pada tempat kedua. Indeks jenayah BD meningkat bagi tempoh 2005-2006 iaitu masing-masing sebanyak 1579 kes dan 2394 kes berbanding tempoh sebelumnya iaitu dari 1990-2004. Justeru itu, kajian ke atas peningkatan indeks jenayah di BD dilakukan bagi meneliti persepsi kebimbangan penduduk ke atas peningkatan kadar jenayah di wilayah tersebut. Beberapa buah balai yang mencatatkan kes jenayah yang tinggi sekaligus menyumbang kepada peningkatan indeks jenayah keseluruhan kontinjen negeri Pulau Pinang. Dalam hal ini, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) negeri Pulau Pinang telah menempatkan balai-balai polis yang dikenalpasti dalam satu kawasan yang dikenali 'Kawasan Segitiga' yang mana setiap kawasan segitiga terdiri daripada 4 buah balai polis bagi tujuan memudahkan pemantauan, tindakan pencegahan serta membendung peningkatan jenayah (PDRM, 2004a) (rujuk Rajah 5).

Trend Jenayah Daerah Timur Laut dan Barat Daya.

Pada perbincangan awal dijelaskan bahawa lebih 80 peratus pelakuan jenayah yang berlaku di negara ini adalah melibatkan jenayah harta benda berbanding jenayah kekerasan. Hal sama juga jelas terbukti di daerah kajian iaitu TL dan BD. Rajah 6 adalah menunjukkan trend indeks jenayah TL bagi tempoh 1990-2006 dan perbandingan trend jenayah harta benda dan kekerasan bagi tempoh yang sama dapat diperincikan dengan lebih jelas pada Rajah 7. Rajah 8 menunjukkan perbandingan indeks jenayah antara balai polis di TL dari 2003-2006. Menurut PDRM (2004a, b), jenayah curi motosikal dan jenayah ragut merupakan di antara jenayah yang menyumbang kepada peningkatan jenayah negeri. Jenayah curi motosikal merupakan kes yang mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 31.4 peratus daripada keseluruhan indeks jenayah kontinjen negeri Pulau Pinang. Pada tahun 2002, sejumlah 3611 kes curi motosikal telah dilaporkan berbanding 3320 kes pada tahun 2001 dengan peningkatan sebanyak 291 kes atau 8.8 peratus. Jumlah kerugian yang dicatatkan akibat daripada kes curi motosikal pada tahun 2002 lebih kurang RM10 juta (RM9,986,830.50) dan jumlah yang diperolehi semula lebih kurang 50 peratus daripada jumlah kerugian iaitu (RM541,250.00). Bagi kes ragut pula, pada tahun 2002 sejumlah 1723 kes ragut dilaporkan berbanding 1967 kes pada 2001 yang menunjukkan penurunan sebanyak 244 kes atau 12.4 peratus. Jumlah kerugian yang dicatatkan pada tahun 2002 lebih kurang RM 3 juta (RM 2,029,360.59) dan jumlah yang diperolehi semula hanya RM5060 (PDRM, 2004a). Rajah 9 menunjukkan perbandingan jenis jenayah ragut, pecah rumah dan motosikal di TL bagi tempoh 1990-2006. Merujuk pada Rajah 9, jelas menunjukkan bahawa secara perbandingan bagi jenayah pecah rumah, curi motosikal dan ragut, didapati jenayah curi motosikal adalah mendahului jenis jenayah lain di TL bagi tempoh 1990 -2006.

Daerah Barat Daya (BD) merupakan antara daerah yang juga mencatatkan kadar jenayah tertinggi di negeri Pulau Pinang. Bagi tempoh 1990 hingga 2003, sebanyak 11,422 kes jenayah (8.8 peratus) yang dicatatkan di BD dan membolehkan BD antara daerah keempat tertinggi bagi keseluruhan negeri Pulau Pinang selepas TL iaitu

mencatatkan sebanyak 51.3 peratus, diikuti oleh SPT (20.1 peratus), SPU (13.9 peratus) dan SPS sebanyak 6.2 peratus daripada sejumlah 128, 802 kes jenayah yang dicatatkan bagi tempoh tersebut (PDRM, 2004a; Nor-ina, 2006; Nor-ina dan Norizan 2007a; 2007b; 2008a; 2008b). Rajah 10 menunjukkan trend indeks jenayah BD bagi tempoh 1990-2006. Bagi tempoh tersebut, sebahagian besar jenayah yang berlaku di BD adalah melibatkan jenayah harta benda iaitu sebanyak 87.6 peratus berbanding 12.4 peratus jenayah kekerasan daripada sejumlah 16,764 kes jenayah yang dicatatkan bagi tempoh tersebut (PDRM, 2004a; 2007a,b). Berdasarkan statistik di atas, jelas menunjukkan bahawa jenayah harta benda merupakan kategori jenayah yang dominan berlaku di TL dan BD bagi tempoh 1990-2006 iaitu 86.6 peratus melibatkan jenayah harta benda dan selebihnya 13.4 peratus adalah jenayah kekerasan dengan perbezaan masing-masing sebanyak 1.1 peratus bagi kedua-dua jenis jenayah di kedua-dua daerah bagi tempoh tersebut. Penelitian jenis jenayah curi kenderaan mengikut kawasan, motosikal merupakan jenis curi kenderaan yang mencatatkan kes terbanyak berlaku di BD bagi semua kawasan tempat kejadian iaitu mencatatkan sebanyak 516 kes (95.4 peratus) daripada sejumlah 541 kes curi kenderaan yang dicatatkan bagi tempoh Jan-Oktober 2007. Selain daripada itu, kawasan flat dan tepi jalan mencatatkan kawasan tertinggi kecurian kenderaan iaitu iaitu masing-masing mencatatkan 46.3 peratus (251 kes) dan 21.9 peratus (119 kes) daripada sejumlah 541 kes curi kenderaan yang dicatatkan bagi tempoh tersebut diikuti oleh kawasan tepi jalan sebanyak 119 kes (21.9 peratus) dan kawasan *parking* sebanyak 77 kes (12.2 peratus). Kawasan lain mencatatkan peratusan rendah (PDRM, 2007b). Rajah 11 pula menunjukkan trend perbandingan jenis jenayah terpilih di BD bagi tempoh 1990-2006. Merujuk pada 11, jelas menunjukkan jenayah curi motosikal juga dominan di BD bagi tempoh 1990-2006 sebagaimana daerah di TL pada penjelasan sebelum ini. Penelitian latar belakang negeri pulau Pinang dari aspek yang meliputi aspek fizikal, perbandaran dan kadar pelakuan jenayah, jelas menunjukkan negeri Pulau Pinang pesat membangun sekaligus mencatatkan kes jenayah tinggi khususnya di TL dan BD berbanding kawasan lain. Oleh yang demikian, pemilihan daerah TL dan BD adalah relevan dan sesuai dengan kajian persepsi kebimbangan terhadap pelakuan jenayah yang dijalankan dan penjelasan latar belakang jenayah negeri Pulau Pinang secara menyeluruh membolehkan kefahaman ke atas perbincangan persepsi kebimbangan terhadap pelakuan jenayah dalam artikel ini.

KAEDAH KAJIAN

Bagi mengenalpasti persepsi kebimbangan masyarakat kajian terhadap pelakuan jenayah, kajian difokuskan ke atas empat kawasan di dua daerah iaitu meliputi TL dan BD. Antara kawasan yang diliputi kajian ialah kawasan Sungai Nibong dan Batu Feringgi bagi daerah TL dan kawasan Bayan Lepas dan Teluk Kumbar bagi daerah BD. Kedudukan kawasan kajian ditunjukkan dengan jelas pada Peta 3. Pemilihan kawasan adalah berasaskan pecahan kawasan yang mencatatkan jenayah tinggi dan jenayah rendah. Kawasan Sungai Nibong dan Bayan Lepas merupakan kawasan yang mencatatkan kadar jenayah yang tinggi dan kawasan Batu Feringgi dan Teluk Kumbar pula mewakili kawasan jenayah rendah bagi daerah kajian. Sebanyak 500 responden terlibat dalam kajian yang dipilih secara rawak dengan kadar nisbah 300 responden di kawasan TL dan 200 di BD. Hasil kajian dianalisis menggunakan SPSS dan perolehan data dijelaskan secara deskriptif dan dipaparkan dalam bentuk graf,

jadual dan peta bagi menggambarkan perolehan data dengan lebih jelas secara ruangan antara kawasan kajian di samping memudahkan paparan data.

HASIL KAJIAN

A] Persepsi Kebimbangan Pelakuan Jenayah dalam Kalangan Masyarakat Dandar Pulau Pinang

Pada bahagian awal dijelaskan bahawa kajian ini meliputi beberapa objektif. Walau bagaimanapun, bagi tujuan perbincangan artikel ini, persepsi kebimbangan responden terhadap pelakuan jenayah harta benda difokuskan dari segi tahap kebimbangan, tahap keselamatan, tahap pelakuan jenayah dan jenis jenayah yang membimbangkan. Berdasarkan kajian, sebanyak 88.4 peratus atau 442 orang responden memberikan respon terhadap persepsi kebimbangan daripada sejumlah 500 orang responden kajian. Penelitian ke atas tahap kebimbangan terhadap pelakuan jenayah, 75.6 peratus atau 334 orang responden menyatakan bimbang terhadap pelakuan jenayah berbanding 24.4 peratus tidak bimbang daripada sejumlah 442 orang yang memberikan respon terhadap kajian persepsi kebimbangan (rujuk Jadual 2). Hasil kajian jelas menunjukkan bahawa pelakuan jenayah adalah membimbangkan penduduk di kawasan kajian. Tahap kebimbangan penduduk dapat dikukuhkan dengan meneliti persepsi terhadap tahap pelakuan jenayah dan tahap keselamatan kawasan kajian. Dari segi tahap pelakuan jenayah, 54.1 peratus atau 263 orang responden memberikan persepsi bahawa pelakuan jenayah di kawasan kajian menunjukkan peningkatan berbanding 30 peratus menyatakan kadar pelakuan jenayah kawasan tidak berubah dan sebanyak 15.8 peratus atau 77 orang responden menyatakan pelakuan jenayah mengalami pengurangan daripada sebanyak 97.2 peratus iaitu 486 orang responden yang menyatakan persepsi terhadap tahap pelakuan jenayah (rujuk Jadual 3). Berdasarkan temubual, terdapat beberapa sebab yang mempengaruhi responden tidak menyatakan persepsi terhadap tahap pelakuan jenayah iaitu minat yang kurang terhadap perkembangan masalah jenayah, kurang pengetahuan terhadap jenayah dan responden tidak ada keyakinan dalam membuat penilaian ke atas perubahan masalah jenayah kerana hasil kajian mewakili persepsi masyarakat kawasan kajian. Bagi persepsi tahap keselamatan pula, 81 peratus atau 405 orang responden memberikan respon terhadap kajian persepsi tahap keselamatan dan 70.1 peratus atau 284 orang responden daripadanya menyatakan tidak selamat dan hanya 29.9 peratus atau 121 orang rasa selamat daripada pelakuan jenayah di kawasan kajian (rujuk Jadual 4).

B] Persepsi Kebimbangan Mengikut Jenis Pelakuan Jenayah

Penelitian kebimbangan terhadap jenis jenayah harta benda dalam kajian ini difokuskan ke atas jenayah curi motosikal, pecah rumah dan ragut. Perbincangan ini melengkapi pengkajian kebimbangan terhadap pelakuan jenayah terdahulu yang tidak meneliti kebimbangan mengikut jenis jenayah secara spesifik (Taylor dan Hale, 1986; Ferraro dan LaGrange, 1987; Thompson *et al*, 1992; Farrall *et al*, 1997; Ditton *et al*, 1999; Farrall dan Ditton, 1999; Farrall, 2000). Kajian persepsi kebimbangan penduduk terhadap ketiga-tiga jenis jenayah ini adalah perlu sebagai ukuran kepada keseriusan jenis jenayah tersebut, seterusnya membolehkan pengkajian kebimbangan terhadap jenayah harta benda menyeluruh bagi konteks kawasan kajian.

B.I- Kebimbangan Terhadap Jenayah Curi Motosikal

Pada perbincangan awal dijelaskan tentang statistik jenayah curi motosikal di peringkat negara dan negeri Pulau Pinang secara menyeluruh sebagai gambaran bagi membolehkan pemahaman yang jelas ke atas perbincangan kebimbangan terhadap jenayah curi motosikal. Penelitian statistik dan kajian lepas, ditunjukkan secara jelas bahawa jenayah curi motosikal sebagai penyumbang kepada peningkatan kes jenayah harta benda dan indeks jenayah secara keseluruhannya sama ada di peringkat negeri Pulau Pinang atau negara (PDRM, 2004a; 2007c; Nor-ina, 2006; KDN, 2009). Perbincangan ciri-ciri pelakuan jenayah mengikut jenis jenayah harta benda dalam kajian yang dijalankan juga jelas menunjukkan jenayah curi motosikal merupakan jenis jenayah yang dominan dialami responden kajian iaitu sebanyak 38.1 peratus atau 43 orang daripada sejumlah 113 orang responden yang mengalami pelakuan jenayah di kawasan kajian (Nor-ina, 2011). Walaupun statistik dan hasil kajian lepas menunjukkan jenayah curi motosikal antara jenis jenayah yang dominan dalam peningkatan kes jenayah harta benda dan indeks jenayah, kajian persepsi kebimbangan penduduk terhadap jenayah curi motosikal adalah perlu sebagai ukuran kepada keseriusan jenayah ini, seterusnya membolehkan pengkajian kebimbangan terhadap jenayah harta benda menyeluruh bagi konteks kawasan kajian. Berdasarkan kajian persepsi kebimbangan terhadap pelakuan jenayah curi motosikal, hasil kajian menunjukkan bahawa kadar pelakuan jenayah curi motosikal mempengaruhi persepsi kebimbangan penduduk di kawasan kajian, iaitu 78 peratus atau 390 orang responden menyatakan kebimbangan terhadap pelakuan jenayah curi motosikal berbanding 22 peratus atau 110 orang tidak bimbang daripada sejumlah 500 responden kajian (rujuk Jadual 5). Dengan ini jelas bahawa kadar jenayah curi motosikal mempengaruhi peningkatan indeks jenayah negara, juga mempengaruhi persepsi kebimbangan penduduk. Oleh itu, dapatan kajian ini mengukuhkan lagi dapatan kajian pelakuan jenayah harta benda di daerah TL yang juga menunjukkan jenayah curi motosikal merupakan jenis jenayah yang dominan dan mencatatkan kadar peratusan tertinggi pengalaman responden kajian berbanding jenayah pecah rumah dan ragut (Nor-ina, 2006; Nor-ina dan Norizan, 2007a; 2007b).

B.II- Kebimbangan Terhadap Jenayah Pecah Rumah

Berdasarkan statistik, jenayah pecah rumah menyumbang sebanyak 10.4 peratus kepada indeks jenayah negeri Pulau Pinang (PDRM, 2007a) dan menyumbang sebanyak 17 peratus daripada 70 peratus keseluruhan jenayah harta benda negara pada tahun 2008 (KDN, 2009). Menurut penganalisis jenayah iaitu Kamal Affandi Hashim, secara purata sebanyak 64,000 kes jenayah pecah rumah dilaporkan setiap tahun di Malaysia (New straits Times, 21 November 2010). Kajian pelakuan jenayah harta benda di TL juga menunjukkan 26.7 peratus responden mengalami jenayah pecah rumah daripada 55.5 peratus atau 131 orang responden yang pernah mengalami pelakuan jenayah harta benda dan merupakan jenayah ketiga dominan selepas jenayah lain-lain kecurian dan jenayah curi motosikal. Selain daripada itu, kajian sama juga menunjukkan 60 hingga 75 peratus jenayah pecah rumah adalah melibatkan jenayah pecah rumah malam hari (JPRMH) berbanding jenayah pecah rumah siang hari (JPRSH) bagi tempoh 1990-2003 (Nor-ina, 2006; Nor-ina dan Norizan, 2007a,b; 2008a,b; 2009; 2010). Penelitian persepsi kebimbangan terhadap jenayah pecah rumah, sejumlah 494 orang responden memberikan respon terhadap kajian kebimbangan jenayah pecah rumah daripada sejumlah 500 responden

keseluruhannya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 83.8 peratus atau 414 orang responden menyatakan bimbang terhadap JPRMH dan 59.3 peratus atau 293 orang bimbang terhadap JPRSH. Dengan ini, kebimbangan terhadap JPRMH adalah lebih tinggi sebanyak 24.5 peratus atau 121 orang berbanding JPRSH (rujuk Jadual 5). Oleh yang demikian, persepsi kebimbangan terhadap jenayah pecah rumah di kawasan kajian juga dipengaruhi kadar jenayah pecah rumah di peringkat negara dan negeri Pulau Pinang.

B.III- Kebimbangan Terhadap Jenayah Ragut

Jenayah ragut merupakan antara kes jenayah yang kerap berlaku sejak beberapa tahun kebelakangan ini sehingga mendapat liputan meluas di pihak media massa bagi mendedahkan kes kejadian ragut, seterusnya memberi kesedaran kepada masyarakat umum. Bagi tempoh 2000-2006, jenayah ragut mencatatkan kes tertinggi pada tahun 2003 dan menyumbang sebanyak 11.8 peratus daripada 133,525 kes jenayah harta benda dan 10.1 peratus daripada 156,315 indeks jenayah pada tahun 2003 (Utusan Malaysia, 19 Januari 2001; Berita Harian, 13 Januari 2004; PDRM, 2007c). Pada tahun 2003 juga, seramai 1,861 peragut ditahan di seluruh negara dengan purata 43 kes sehari dan Kuala Lumpur mencatatkan jumlah tertinggi dengan 4,262 kes atau 11 kes sehari. Pada Januari-Mei 2004, sebanyak 4,511 kes dicatatkan dan 539 peragut ditahan di seluruh negara dengan purata sebanyak 37 kes sehari (Berita Minggu, 4 Julai 2004). Jenayah ragut juga menyumbang sebanyak 37.7 peratus ke atas peningkatan jenayah kawasan Segitiga B negeri Pulau Pinang pada tahun 2002 (PDRM, 2004a). Meneliti kepada statistik, adalah jelas bahawa jenayah ragut menyumbang kepada peningkatan kes jenayah harta benda dan juga indeks jenayah negara dan negeri secara keseluruhannya. Kajian persepsi kebimbangan terhadap jenayah ragut, sebanyak 98.4 peratus atau 492 orang responden memberikan respon terhadap kajian jenayah ragut daripada 500 responden. Daripada 492 orang responden yang memberikan respon, 82.7 peratus atau 407 orang menyatakan persepsi kebimbangan terhadap jenayah ragut. Berdasarkan kajian, adalah jelas bahawa jenayah ragut adalah membimbangkan penduduk kawasan kajian. Jadual 5 menunjukkan perbandingan persepsi kebimbangan terhadap ketiga-tiga jenayah harta benda kajian dengan jelas dan terperinci. Berdasarkan penelitian persepsi tahap kebimbangan terhadap pelakuan jenayah harta benda, kajian jelas menunjukkan JPRMH dan jenayah ragut mencatatkan persepsi kebimbangan tertinggi iaitu 83.8 peratus dan 82.7 peratus berbanding jenayah curi motosikal dan JPRSH dengan catatan kebimbangan masing-masing sebanyak 78.0 peratus dan 59.3 peratus. Persepsi tahap kebimbangan ke atas jenis jenayah juga dapat diperkukuhkan melalui nilai Min yang juga menunjukkan jenayah ragut antara yang mencatatkan nilai Min tertinggi diikuti JPRSH, curi motosikal dan JPRMH iaitu masing-masing (Ragut: $M=4.37$; JPRSH: $M=4.30$; Curi Motosikal: $M=4.19$ dan JPRMH: $M=3.61$) (rujuk Jadual 5). Nilai min yang ditunjukkan pada keseluruhannya adalah tinggi dan melebihi nilai 4 iaitu petunjuk kepada persepsi sangat setuju atau sangat bimbang responden ke atas jenis jenayah yang dikaji (Suan, 2003).

Penelitian persepsi kebimbangan mengikut jenis jenayah dan daerah, kajian mendapati kedua-dua daerah kajian iaitu TL dan BD mencatatkan persepsi tahap kebimbangan yang tinggi terhadap jenis jenayah yang dikaji, kerana kedua-dua daerah menunjukkan peratusan melebihi 50 peratus. Walau bagaimanapun, TL mencatatkan persepsi kebimbangan yang lebih tinggi bagi semua jenis jenayah harta

benda yang dikaji berbanding BD iaitu secara purata melebihi 80 peratus bagi jenayah seperti JPRMH, ragut dan curi motosikal kecuali bagi JPRSH yang mencatatkan kurang daripada 70 peratus. Kebimbangan terhadap jenis jenayah tersebut bagi TL masing-masing mencatatkan sebanyak 89.3 peratus, 87.7 peratus, 83.7 peratus dan 61.3 peratus. Bagi BD pula, kesemua jenis jenayah yang dikaji menunjukkan tahap kebimbangan pada kadar 50-75 peratus. Walau bagaimanapun, JPRMH, ragut dan curi motosikal adalah lebih membimbangkan penduduk berbanding JPRSH dengan catatan kebimbangan masing-masing sebanyak 75.3 peratus, 75.0 peratus dan 69.5 peratus dan 56.2 (rujuk Jadual 6.1a-6.1d dalam Lampiran 1). Peta 4 adalah menunjukkan persepsi tahap kebimbangan pelakuan jenayah mengikut daerah kajian. Berdasarkan perbincangan, kajian jelas menunjukkan bahawa JPRMH, ragut dan curi motosikal merupakan jenis jenayah yang menimbulkan kebimbangan tertinggi dalam kalangan responden kajian berbanding JPRSH yang mencatatkan tahap kebimbangan yang terendah. Kajian kebimbangan jenis jenayah mengikut kawasan pula, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kebimbangan bagi setiap jenis jenayah adalah tinggi di semua kawasan kajian iaitu kawasan Sungai Nibong, Bayan Lepas, Batu Feringgi dan Teluk Kumbar. Secara perbandingan tahap kebimbangan jenis jenayah mengikut kawasan, tahap kebimbangan ke atas JPRMH, ragut dan curi motosikal adalah lebih tinggi berbanding JPRSH bagi kawasan Sungai Nibong, Bayan Lepas dan Batu Feringgi. Sementara di kawasan Teluk Kumbar, tahap kebimbangan penduduk adalah lebih didominasi oleh jenayah ragut berbanding jenayah lain. Justeru itu, tahap kebimbangan ke atas jenis jenayah adalah berbeza mengikut kawasan kajian. Oleh yang demikian, hasil kajian berbeza dengan statistik PDRM dan dapatan kajian jenayah di TL yang jelas menunjukkan kawasan Sungai Nibong dan Bayan Lepas antara kawasan yang mencatatkan kadar jenayah tinggi berbanding kawasan lain dalam daerah TL dan BD (PDRM, 2004a,b; 2007a; Nor-ina, 2006). Oleh itu, adalah jelas bahawa tahap kebimbangan penduduk bagi konteks kawasan kajian adalah tidak dipengaruhi oleh statistik jenayah kawasan secara sepenuhnya. Hal ini kerana, walaupun terdapat perbezaan dalam statistik jenayah antara kawasan, namun semua kawasan menunjukkan tahap kebimbangan terhadap semua jenis jenayah harta benda yang dikaji.

Berdasarkan penelitian dan perbincangan kajian persepsi kebimbangan terhadap pelakuan jenayah di kawasan kajian dari beberapa aspek, penyertaan responden merupakan petunjuk jelas kepada respon bimbang dan tidak selamat kesan daripada peningkatan pelakuan jenayah di kawasan kajian. Kajian ini pada keseluruhannya berjaya mengenalpasti tahap kebimbangan terhadap pelakuan jenayah, tahap pelakuan jenayah, tahap keselamatan dan kebimbangan mengikut jenis jenayah secara langsung dapat membuktikan kepada peningkatan indeks jenayah sebagaimana yang dilaporkan oleh PDRM dan beberapa pengkaji (rujuk PDRM, 2004a; 2007a; 2008; Nor-ina, 2006; Nor-ina dan Norizan, 2007a; 2007b; 2008a; 2009; Mohd Reduan, 1990; Sidhu 2005; 2006; Muzafar dan Eng, 2006; Muzafar dan Law, 2007; Baharom dan Muzafar, 2009; Muzafar dan Baharom, 2009; Tang, 2009; Berita Harian, 17 Mei 2005; Berita Harian, 9 Januari 2008; Berita Harian, 12 Februari 2008; Mingguan Malaysia, 20 Januari 2008; Utusan Malaysia, 25 Mac 2009). Selain daripada itu, merujuk kepada dapatan kajian pelbagai pihak sebagai perbandingan seperti oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM (SDPPP), 2005; Siti Hajar dan Haris, 2007; PDRM, 2008a,b),

pelakuan jenayah di negara ini jelas membimbangkan. Oleh yang demikian, walaupun kajian persepsi kebimbangan ini adalah melibatkan daerah TL dan BD, namun dapatan kajian adalah sebagai gambaran kepada kebimbangan penduduk terhadap permasalahan pelakuan jenayah di Pulau Pinang khususnya dan negara amnya.

RUMUSAN

Kajian secara keseluruhannya berjaya mengupas permasalahan kebimbangan terhadap pelakuan jenayah di kawasan kajian secara menyeluruh meliputi tahap kebimbangan, ciri-ciri pelakuan jenayah, jenis jenayah harta benda, faktor-faktor kebimbangan dan hubungkait antara kebimbangan jenayah dengan sosio-ekonomi responden. Sesuatu yang jelas daripada kajian ialah kebimbangan terhadap pelakuan jenayah adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang saling berhubungkait antara satu sama lain, menjadi petunjuk jelas kepada pihak berkuasa agar lebih telus, proaktif serta lebih progresif dalam menangani pelakuan jenayah secara berterusan bagi meningkatkan keselamatan, keharmonian seterusnya mengurangkan kebimbangan penduduk. Justeru itu, kejayaan kajian ini dalam mengupas isu kebimbangan penduduk terhadap permasalahan jenayah yang berlaku khususnya di kawasan kajian secara langsungnya menyumbang kepada pihak berkuasa dalam menambah pangkalan data sedia ada dalam pelaksanaan kawalan dan penguatkuasaan tindakan demi kesejahteraan masyarakat seluruhnya. Hal ini, kerana kajian isu kebimbangan berasaskan ruangan tidak dilakukan oleh bidang disiplin lain selain geografi. Oleh itu, hasil kajian ini secara langsung memberi gambaran kepada kerelevanan serta keupayaan bidang geografi dalam mengupas permasalahan dalam persekitaran sosial kini, sekaligus perlunya mempergiatkan pengkajian seumpama ini dari pelbagai bidang disiplin ilmu agar suatu pendekatan dikenalpasti bagi menangani pelakuan jenayah seluruhnya ke arah mewujudkan masyarakat yang sejahtera dalam persekitaran bandar yang pesat membangun. Selain itu dapat ditunjukkan kajian geografi merangkumi skop kajian yang luas sehingga berjaya menyediakan suatu kajian persepsi pelakuan jenayah dan perbandaran secara rungan dengan jelas.

RUJUKAN

Belinda Yuen. (2004). "Safety and Dwelling in Singapore". *Cities*. Vol.21 (1):19-28.

Baharom, A.H. dan Muzafar Shah, H. (2009). Crime and Income Inequality: The Case of Malaysia. *Journal of Politics and Law*, Vol.2 (1): 55-70.

Ditton, J and Farrall, S.(2000). *The Fear of Crime*. England: Darmouth Publishing Company Limited and Ashgate Publishing Company.

Ferraro, K. F and LaGrange, R.(1985). "The Measurement of Fear of Crime". *Journal of Criminal Justice*, 31: 37-56.

_____.(1987). The Measurement of Fear of crime. *Sociological Review*, 57:70-101.

- Farrall, S. and Ditton, J. (1999). Improving the Measurement of Attitudinal Responses: an Example From a Crime Survey. *International Journal of Social Research Methodology*, Vol.2 (1):55-68.
- Gold, H. (2002). *Urban Life and Society*. New Jersey: Prentice Hall.
- Jamaludin, M. (2007). Aspek Keselamatan Awam Dalam Pembentukan Bandar Selamat di Malaysia: Kajian Kes Alor Star Kedah. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Knox, P. L. (1994). *Urbanization An Introduction to Urban Geography*. New Jersey: Prentice Hall.
- Kerajaan Negeri Pulau Pinang and DANCED (1998). *Integrated Coastal Zone Management Project : Penang Coastal Profile*. Pulau Pinang.
- Mays, J. B. (1968). "Crime and Urban Pattern". *Sociological Review*. Vol.16:241-255.
- Mohd Reduan, A. (1990). *Jenayah di Malaysia: Aliran, Punca dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd.
- McIlwaine, C. (1999). "Geography and Development: Violence and Crime as Development Issues". *Progress in Human Geography*. Vol. 23 (3), 453-463.
- Muzafar Shah, H dan Eng, Y.K. (2006). Crime and the Underground Economy in Malaysia: Are they related? *The Journal of Global Business*, Vol.2 (1):138-154.
- Muzafar Shah, H dan Law, S.H. (2007). Crime and Financial Economic Variables in Malaysia: Evidence From a Vector Error Correction Model. *Journal of Social and Economic Policy*, Vol.4 (2): 263-276.
- Muzafar Shah, H dan Baharom, A.H. (2009). Crime And Economic Conditions in Malaysia: An ARDL Bounds Testing Approach. *Journal of Social Economic*, Vol.36 (11): 1071-1081.
- Malaysia. (1996). *Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000*. Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan.
- _____. (1999). *Kertas Perintah Enam: Kertas Putih Status Ekonomi Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- _____.(2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010*. Kuala Lumpur. Cetakan Kerajaan.
- Nor-ina,K.(2006).Pelakuan Jenayah dan Kaitannya dengan Kepadatan Perbandaran: Satu Kajian Kes di Negeri Pulau Pinang. Tesis Sarjana. Pulau Pinang:Universiti Sains Malaysia.

Nor-ina, K dan Norizan, M.N (2007a). Pelakuan Jenayah dari Perspektif Geografi: Satu Kajian Kes di Daerah Timur Laut Pulau Pinang. Dibentangkan di Persidangan Geografi 2007 Universiti Malaya, "Memperkasakan Geografi di Malaysia: Isu dan Cabaran, Anjuran Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya Kuala Lumpur, Hotel Armada, Petaling Jaya Kuala Lumpur, 21-22 Ogos 2007.

(2007b). Jenayah dan Perbandaran: Satu Kajian di Daerah Timur Laut Pulau Pinang. Dibentangkan di Seminar Kebangsaan Geografi 2007 Universiti Perguruan Sultan Idris, "Dunia Tanpa Sempadan", Anjuran Jabatan Geografi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dengan kerjasama Persatuan Geografi Universiti Pendidikan Sultan Idris, 10-11 September 2007.

(2008a). Pelakuan Jenayah dari Perspektif Geografi: Satu Kajian kes di Daerah Timur Laut Pulau Pinang. Dlm. Hamirdin, I., Amer, S.G., Abdul Rahman, R., dan Rosmadi, F.(2008). Isu-isu Geografi Malaysia. Kuala Lumpur: Jabatan Geografi Universiti Malaya. m/s 214-233.

(2008b). *Property Crime in Penang Island: A Case Study of Timur Laut Districts*. International Conference on Social, Development and Environmental Studies "Global Change and Transforming Spaces", Organised by School of Social, Development and Environmental Studies (PPSPP), Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, Danau Golf Club UKM, Bangi, 18-19 November 2008.

(2009). Pelakuan Jenayah Harta Benda di Daerah Timur Laut Pulau Pinang: Trend dan Punca. Dlm. Mohd Fauzi, Y.(2009), Malaysia: Tranformasi dan Perubahan Sosial. Selangor Darul Ehsan: Arah Publication. m/s 131-147.

(2010a). Jenayah dan Perbandaran: Satu Kajian di Daerah Timur Laut Pulau Pinang. Dlm. Yazid, S., Fauziah, C.L., dan Mazdi, M. (2010). Isu-isu Semasa Alam Sekitar Manusia di Malaysia. Perak Darul Rizduan: UPSI. m/s 43-60.

(2010b). Pelakuan Jenayah: Satu Tinjauan Pengalaman Masyarakat Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Jurnal "Manusia dan Masyarakat, Edisi 17 (2009/2010), Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Nor-ina, K., Norizan, M.N., dan Ruslan, R.(2008). Kebimbangan Terhadap Pelakuan Jenayah di Pulau Pinang: Satu Tinjauan Awal. Dibentangkan di 2nd National Conference: Society, Space and Environment 2009 (SSE2009): "Towards Sustainable Heritage and Future", Organised by Geography Section, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 2-3 Jun 2009.

(2009). Perbandaran dan Kebimbangan Terhadap Pelakuan di Pulau Pinang. Satu Tinjauan Awal. Dibentangkan di International Conference on Social Sciences and Humanities (ICOSH09). "The Progressive Impact of Research in Social Sciences and Humanities: Towards The Regeneration of Knowledge ", Organised by Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2-3 December 2009.

- Nor-ina, K (2011). *Kebimbangan Terhadap Pelakuan Jenayah: Satu Kajian Persepsi Dalam Kalangan Penduduk Bandar di Pulau Pinang*. Tesis Doktor Falsafah. Pulau Pinang:Universiti Sains Malaysia.
- Pacione, M. (1983). *Progress in Urban Geography*. New Jersey: Barnes and Noble Books.
- Pallen, J. J. (2002). *The Urban World, 6th Ed*. New York: McGraw Hill.
- Pokhariyal, G.P and Muthuri, Rose K. (2003). "Strategic Measures to Curb Crime Rates in Nairobi". *International Journal on World Peace*. Vol.xx (1), 55-69.
- Polis Diraja Malaysia.(2004a). *Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Pulau Pinang*.
- _____.(2004b). *Unit Risikan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut Negeri Pulau Pinang*.
- _____.(2004c). *Balai-Balai Polis Daerah Timur Laut Negeri Pulau Pinang*.
- _____.(2004d). *Laporan Tahunan PDRM. Unit Risikan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut Negeri Pulau Pinang*.
- _____.(2005). *Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM. Kuala Lumpur*.
- _____. (2007a). *Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut Kontinjen Negeri Pulau Pinang*.
- _____. (2007b). *Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya, Negeri Pulau Pinang*.
- _____. (2008a). *Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut Kontinjen Negeri Pulau Pinang*.
- _____. (2008b). *Unit Risikan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Balik Pulau Daerah Barat Daya, Negeri Pulau Pinang*.
- Rogers, J. (1989). "Theories of Crime and Development: An Historical Perspective". *Journal Development Studies*, 3: 314-328.
- Ranzijin, R, Howells, K and Wagstaff, V. (2002). 'Fear of Crime and Protective Behaviours in Older and Younger Adults: Results of a Community Survey', *Australian Journal on Ageing*, Vol. 21 (2):92-97.
- Ramli,D., Fazli, A.H., dan Rizal, Z.I.(2006). *Perbandaran dan Jenayah Dalam Kalangan Pendatang Asing di Kota Kinabalu, Sabah*. Dlm. Norhaslina Hassan (2006). *Dinamika Masyarakat Bandar: Ke Arah Mencapai Kualiti Hidup Mapan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. m/s 87-114.

Shelley, L. I. (1981). *Crime and Modernization: The Impact of Industrialization and Urbanization on Crime*. United States: Southern Illinois University Press.

Suan, Y (2003). *Computer Applications in Educational Research (PLG 700)*. School of Educational Studies. University of Science Malaysia. Dlm. Abdallah Ali Gwateen Al-Ajlani (2005). *Tourism Development in Jordan: A Study of Residents' Perception Towards its Impactcts In Jerash, Madaba and Ajloun*. Tesis Doktor Falsafah, University Sains Malaysia.

Sidhu, A.S (2005). *The Rise of Crime in Malaysia: An Academic and Statistical Analysis*. *Journal of the Kuala Lumpur Royal Malaysia Police College*, No.4:1-28.

_____ (2006). *Crime Levels and Trends in the Next Decade*. *Journal of the Kuala Lumpur Royal Malaysia Police College*, No.5: 1-13

Siti Hajar, A.B. dan Harris, A.W. (2007). *Kebajikan Sosial Masyarakat Luar Bandar di Semenanjung Malaysia: Satu Tinjauan Umum*. *Jurnal Manusia dan Masyarakat*, Siri 15, m/s 226-259.

Tang, C.F. (2009). *The Linkages among Inflation, Unemployment and Crime Rates in Malaysia*. *International Journal of Economic and Managemant*, 3 (1):50-61.

United Nations (2005). *United Nations International Crime and Justice Reasearch Institute (UNICRI)*. *Environment and Urbanization*, Vol. 8.No.1.

Warr, M. (2000). *Fear of Crime in United States: Avenues for Research and Policy*, *Criminal Justice*, Vol.4:451-490.

Walmsley, D. J. (1988). *Urban Living :The Individual in The City*. United Kingdom: Longman Scientific and Technical.

RUJUKAN AKHBAR

Berita Harian (13 Januari 2004). *Tekanan Antara Punca Jenayah Kejam Meningkat*.

Berita Minggu (4 Julai 2004). *Hala Tuju Kita Perlu Telus Demi Keadilan*.

Berita Harian (17 Mei 2005). *10 Teras Strategi Mantapkan PDRM*.

Berita Harian (9 Januari 2008). *Perhebat Banteras Jenayah: Pemilik Bangunan Diwajibkan Pasang CCTV Antara Enam Langkah Diumum PM*.

Berita Harian (12 Februari 2008). *PDRM Buru Jenayah Sifar: Peruntukan RM6b Pastikan Keselamatan Negara Terjamin*.

Harian Metro (9 November 2006). *"Indeks Jenayah Meningkat 12.6 Peratus: Apakah Puncanya?"*

Mingguan Malaysia (20 Januari 2008). *Imej PDRM Tidak Tercalar-Wawancara KPN*.

New Sunday Times (21 November 2010). *Is Your House 'Ready' When the Bad Guys Come ?*

Sinar Harian (8 September 2007). *Peruntukan RM 6 Bilion Untuk Banteras Jenayah dan Anggota Baru*.

Utusan Malaysia (19 Januari 2001). *Kadar Jenayah di Malaysia Terendah*.

Utusan Malaysia (25 Mac 2009). *PDRM Tekad Perkasa Mutu Khidmat: Sambutan Hari Polis Ke-202*.

RUJUKAN INTERNET

Farrall, S., Bannister, J., Ditton, J. and Gilchrist, E. (1997). Social Research Update 17: Open and close question. United Kingdom: Department of Sociology, University of Surrey. [Diakses pada 3 Mac 2006]. Diperoleh daripada World Wide Web: <http://www.soc.surrey.ac.uk/sru/SRU17.html>.

Institute for Economics and Peace (IEP). [Diakses pada 2 Ogos 2011]. Diperoleh daripada World Wide Web: http://en.wikipedia.org/wiki/Global_Peace_Index.

PDRM. (2007c). Statistik Indeks Jenayah Negara. [Diakses pada 23 April 2007]. Diperoleh daripada World Wide Web: <http://www.rmp.gov.my/>.

United Nations.(1999a). *World Urbanization Prospects: The Revision 1999*. [Diakses pada 8 Mei 2004]. Diperoleh daripada World Wide Web: http://www.geog.ouc.bc.ca/conted/onlinescourses/geog_210/210_10_1.html

_____.(1999b). Department of Economic and Social Affairs Population Division: *World Urbanization Prospects: The Revision 1999*. [Diakses pada 8 Mei 2004]. Diperoleh daripada World Wide Web: <http://www.un.org/esa/population/publications/wup1999/wup1999.htm>

Unit Perancang Ekonomi. (2002). *Indeks Kualiti Hidup Malaysia, 2002* [Diakses pada 29 April 2004]. Diperoleh daripada World Wide Web: <http://www.epu.jpm.my/BI/publi/mqli2002/sec2.pdf>.

_____. (2004). *Indeks Kualiti Hidup Malaysia, 2002* [Diakses pada 26 Julai 2007]. Diperoleh daripada World Wide Web: <http://www.epu.jpm.my/BI/publi/mqli2004/sec2.pdf>.